



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 13 MAC 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BERNAS HARGAI PERANAN AKPS, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	DURIAN BELANDA HASILKAN PENDAPATAN RM8,000 SEBULAN, NIAGA, KOSMO, M/S – 31	LAIN – LAIN
3.	KELULUT UBAH NASIB KELUARGA, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 16	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2026	KOSMO	NEGARA	12



NIK EZANEE (empat dari kiri) bersama kakitangan BERNAS ketika program pengagihan bubur lambuk kepada petugas Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang kelmarin.

BERNAS hargai peranan AKPS

- Program Gema Ramadan semarak ukhuwah dua organisasi
- 350 kakitangan penguat kuasa dirai

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KLANG – Pengorbanan anggota Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) yang menjaga pintu masuk negara terus dihargai menerusi Jelajah Program Gema Ramadan di Pelabuhan Klang kelmarin.

Menurut Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), penganjuran Program Gema Ramadan bu-

kan sahaja menyemarakkan ukhuwah antara dua organisasi itu, malah platform untuk memperkukuh kerjasama strategik yang lebih holistik dan mampan.

“Menerusi Program Gema Ramadan ini, ia turut menjadi platform untuk memperluas ruang dan hubungan kerjasama strategik yang lebih holistik dan mampan,” katanya kelmarin.

Pada program itu, seramai 350 anggota dan kakitangan AKPS diraikan dalam majlis terbuka puasa sebagai tanda penghargaan terhadap komitmen dan dedikasi menjalankan tugas.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BERNAS, Datuk Mohamad Azlan Abdullah dan Komander Kawalan Pin-

tu Masuk Pelabuhan Klang AKPS, Datuk Nik Ezanee Mohd. Faisal.

Program tanggungjawab sosial korporat itu turut menyaksikan pengagihan 700 bekas bubur lambuk kepada anggota yang bertugas di kawasan pelabuhan.

Ujar BERNAS, kerjasama yang terjalin itu mampu memperluas pertukaran maklumat serta pembangunan modal insan dalam usaha memperkemas kawalan keselamatan di gudang-gudang beras milik syarikat berkenaan.

“BERNAS turut merakamkan penghargaan kepada AKPS atas komitmen agensi itu dalam membanteras aktiviti penyeludupan beras yang boleh menjejaskan kepentingan rakyat dan negara,” jelasnya.

13/3/2026

KOSMO

NIAGA

31

Durian belanda hasilkan pendapatan RM8,000 sebulan

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

TAIPING – Projek tanaman buah durian belanda yang diusahakan oleh pasangan suami isteri, Amirul Hisyam Abdullah dan Husna Abdul Rahman sejak 10 tahun lalu di Kampung Sungai Petai Luar, Changkat Jering memberi peluang kepada mereka untuk menceburi industri pengeluaran produk hiliran.

Melalui 60 pokok durian belanda yang ditanam sendiri, Amirul Hisyam berjaya menikmati hasil pendapatan yang baik sekitar RM4,000 hingga RM8,000 sebulan melalui pengeluaran pelbagai produk bermutu tinggi di bawah jenama Dafna.

Antara produk keluarannya adalah jus, teh (diproses dari daun), isi buah, minyak urut dan juga balm yang diedarkan di seluruh negara.

"Mulanya diusahakan secara kecil-kecilan iaitu membuat air durian belanda ecar konvensional. Saya belajar kaedah untuk memproses buah melalui YouTube dan Facebook.

"Lama kelamaan, permintaan



AMIRUL HISYAM menunjukkan dua produk popular di bawah jenama Dafna, iaitu jus durian belanda dan teh yang diperbuat daripada daun durian belanda.

semakin memberangsangkan sehingga menyebabkan saya dan isteri mula tidak menyang tangan negara.

untuk memenuhi permintaan pelanggan terutama pada bulan Ramadan" katanya kepada Kos-

mol ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, jualan jus air

durian belanda boleh mencecah sehingga RM8,000 ketika bulan puasa.

Produk tersebut dihasilkan di sebuah bengkel pembuatan di kawasan rumahnya yang turut mendapat sokongan daripada Jabatan Pertanian Perak, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) dan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP).

"Saya bukan sekadar mendapat bantuan berbentuk geran alatan mesin memproses dan melabel, malah STeP banyak membantu mendapatkan pensijilan halal dan pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri, atau MeSTI daripada Kementerian Kesihatan.

"Pensijilan halal dan MeSTI ini amat penting untuk memberi keyakinan kepada pengguna terhadap produk saya, selain membantu penyelidikan berterusan bagi meningkatkan lagi kualiti produk," katanya.

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Kelulut ubah nasib keluarga

Bekas penoreh getah kini miliki 70 sarang jana pendapatan RM4,000 sebulan

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Gerik

Berbekalkan azam mengubah nasib keluarga, bapa tiga anak dari Felde Lawin Selatan ini bangkit daripada golongan asnaf kepada penternak kelulut berjaya.

Megat Mt Nayan, 46, dahulunya bekerja sebagai penoreh getah sekitar 10 tahun lalu dengan pendapatan antara RM300 hingga RM600 sebulan.

Menurutnya, beliau tiada pilihan memandangkan itu sahaja peluang pekerjaan yang ada di kawasan kampung di samping bekerja sambil di pejabat penghulu demi menyara keluarga kecilnya.

"Saya mula menoreh getah sekitar 10 tahun lalu selepas pulang bekerja di luar kawasan dan menetap semula di Felde Lawin Selatan.

"Di kawasan kampung ini peluang kerja sangat terhad kerana tiada kilang atau industri, jadi kebanyakannya hanya bergantung kepada kebun getah," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurut Megat, ketika itu beliau sudah berkeluarga dan mempunyai dua anak yang masih kecil, sekali gus menjadikan keadaan kewangan semakin mencabar.

Bagaimanapun, nasibnya mula berubah selepas mendapat perhatian Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) yang menawarkan beliau mengikuti kursus asas penternakan kelulut secara percuma pada November 2023.

Katanya, beliau mengikuti kursus asas selama tiga hari di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTIM) Lenggong sebelum menyertai kursus lanjutan selama enam bulan bagi mempelajari teknik penternakan secara lebih mendalam.

"Pada awalnya saya langsung tidak tahu apa-apa mengenai kelulut, tetapi melalui kursus itu saya belajar cara memelihara, mengurus sarang, teknik mengambil madu serta potensi menghasilkan pelbagai produk daripada madu kelulut.

"Selepas tamat kursus,



MEGAT mengusahakan penternakan kelulut di Felde Lawin Selatan, Gerik.



saya mula memelihara secara kecil-kecilan dengan satu sarang yang sedia ada di rumah.

"Melihat kesungguhan saya, selepas kursus lanjutan enam bulan, MAIPK memberikan lima sarang kelulut sebagai permulaan," katanya.

Menurutnya, beliau kemudian mengembangkan ternakan dengan membeli tambahan sarang menggunakan simpanan elauun kursus selain menerima bantuan daripada agensi seperti Jabatan Pertanian dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

"Hari ini saya mempunyai hampir 70 sarang kelulut yang diusahakan di

sekitar kawasan rumah dan beberapa lokasi lain berhampiran kampung dengan menumpang tanah milik rakan-rakan," katanya.

Megat berkata, hasil daripada ternakan itu kini mampu menjana pendapatan antara RM2,000 hingga RM4,000 sebulan bergantung kepada pengeluaran madu.

Namun, katanya, perjalanan untuk berjaya dalam bidang itu bukan mudah kerana beliau terpaksa berdepan pelbagai cabaran termasuk serangan pemangsa kelulut, sarang rosak serta kekangan ilmu pada peringkat awal.

"Pada peringkat awal banyak cabaran saya hadapi



MEGAT menyertai pameran untuk memasarkan produk madu kelulut yang diusahakannya.

termasuk serangan serangga perosak, masalah sarang tidak menjadi dan juga kekangan modal.

"Namun saya terus belajar dan memperbaiki teknik penternakan sehingga mampu mengembangkan jumlah sarang seperti hari ini," katanya.

Beliau berkata, MAIPK juga terus memberi sokongan susulan termasuk membantu mendapatkan dana pembiayaan daripada beberapa agensi kewangan bagi mengembangkan perniagaan.

Katanya, antara bantuan diterima termasuk pem-

biayaan RM13,500 melalui SME Bank selain bantuan tambahan daripada agensi lain bagi membeli peralatan pemrosesan madu serta keperluan pembersihan.

Megat turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perak dan MAIPK kerana memberi peluang kepada golongan asnaf seperti untuk membina kehidupan lebih baik melalui program keusahawanan.

Katanya, inisiatif itu membuktikan komitmen MAIPK sebagai agensi peneraju flagship Program

Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti digariskan dalam pelan Perak Sejahtera 2030 oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

"Alhamdulillah, bantuan dan bimbingan yang diberikan banyak mengubah kehidupan saya dan keluarga.

"Daripada hanya bergantung kepada kerja menoreh getah dengan pendapatan tidak menentu, kini saya dapat menyediakan kehidupan yang lebih stabil untuk isteri dan anak-anak," katanya.